

15/02/2000

Derita penghidap HIV himpunan untuk pedoman umum

iewed by Salbiah Ani

JUDUL: Suara-Suara Terpendam: Pengalaman Sebenar Aids di Malaysia

Penerbit: Majlis Aids Malaysia

Suntingan: Marina Mahathir dan Zawawi Ibrahim

Harga: RM15

Halaman: 188

SAYA yakin sebahagian besar daripada kita biasa mendengar istilah HIV mahupun Aids tetapi tidak ramai yang mengetahui penderitaan dan tekanan sosial yang terpaksa dihadapi kelompok ini.

Justeru kehadiran Suara-Suara Terpendam: Pengalaman Sebenar Aids Di Malaysia yang memuatkan suara hati mangsa kedua-dua penyakit terbabit pasti dapat membuat khalayak yang membaca buku ini lebih bertimbang rasa kepada kelompok terbabit.

Buku terbitan Majlis dan Yayasan Aids Malaysia (Inggeris dan Melayu) ini, sememangnya bertujuan mencetuskan suara rakyat Malaysia yang hidup dengan HIV/ Aids.

Tulisan yang dihimpunkan dalam buku berkenaan adalah hasil temubual, surat dan puisi termasuk lakaran seni terapi rakyat Malaysia yang hidup dengan HIV/Aids, kaum keluarga, rakan serta penjaga mereka.

Suara-Suara Terpendam: Pengalaman Sebenar Aids Di Malaysia juga tentunya dapat membantu pihak berkuasa tempatan dan agensi antarabangsa yang berminat memahami dengan jelas isu yang dialami kelompok berkenaan.

Iktibar umpamanya boleh diperolehi daripada pengalaman Hani, wanita Melayu berusia 35 tahun, meskipun bukan penagih dadah mahupun mengamalkan seks rambang tetapi akhirnya turut dijangkiti HIV.

Hani yang berkahwin dengan bekas penagih dadah dan juga pengamal seks rambang meskipun bahagia dengan perkahwinannya, tetapi menerima tekanan maha hebat ketika melahirkan anak di salah sebuah hospital di ibu negara.

Sikap memandang hina terhadapnya kerana berkahwin dengan orang yang sudah disahkan dijangkiti HIV/Aids bukan saja diterima dari kalangan pekerja bawahan tetapi juga profesional seperti doktor di hospital terbabit.

Penghinaan yang terpaksa dilaluinya berterusan meskipun selepas ia pulang ke rumah sewa, sehingga akhirnya dia dihalau keluar apabila tuan rumah mengetahui status kesihatan suaminya.

Majikan Hani pula mengambil tindakan menamatkan kontrak perjanjian pekerjaan beliau sebaik rakan setugasnya memaklumkan status kesihatan suaminya sehingga memaksa beliau berkerja di negeri yang berlainan daripada suaminya demi meneruskan kehidupan.

Suara-Suara Terpendam: Pengalaman Sebenar Aids di Malaysia turut memuatkan pengalaman Basariah yang meninggal dunia kerana serangan Aids kesan daripada kegiatannya sebagai seorang pelacur dan penagih dadah.

Bekas pelacur dan penagih dadah itu melalui saat kematian yang memilukan kerana tidak seorang pun ahli keluarganya datang untuk melawat ketika beliau sakit tenat sekalipun kerap dimaklumkan mengenai perkara itu.

Malahan selepas kematiannya, ahli keluarganya hadir hanya selepas dimaklumkan segala perbelajaan hospital dan pengebumian akan dibiayai Pink Triangle selain tidak turut sama menjayakan tahlil.

Pengalaman yang dilalui Basariah ketika berada di hospital sama seperti Hani. Penghinaan dan diskriminasi dalam layanan sebaik mereka mengetahui status kesihatannya.

Perkara ini diceritakan Kartini, Mak Nyah Melayu, 35 tahun, Pengurus

Kanan Pink Triangle, yang bertanggungjawab menjaga Basariah pada saat mangsa itu berada di ambang maut.

Jururawat bukan saja menganaktirikan Basariah dengan mengeluarkan kata kesat seperti: "Dia yang terakhir diberi makan" tetapi turut menghalang sesiapa yang sudi membantu mangsa, sekalipun sah mereka tak berupaya mengurus kebersihan diri sendiri.

Pengalaman Linda, wanita India berusia 30 tahun dan bekas jururawat, yang disahkan pembawa HIV juga tidak kurang memilukan tetapi tetap beruntung kerana majikan tidak bertindak memberhentikanannya.

Linda ditukarkan ke bahagian pentadbiran sebaik saja diketahui sebagai pembawa virus HIV selain tidak dibenarkan menerima rawatan di tempat beliau bekerja tetapi sebaliknya terpaksa mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital kerajaan.

Pelbagai pengalaman pesakit HIV dan Aids yang dimuatkan dalam Suara-Suara Terpendam: Pengalaman Sebenar Aids di Malaysia amat berguna baik kepada mereka yang termasuk dalam kelompok berkenaan atau pun tidak. Justeru buku ini wajar menjadi bahan bacaan semua lapisan masyarakat.

(END)